

# Bahasa Melayu simbol perpaduan

## Kaum lain perlu kikis prejudis bagi membina ikatan kukuh bangsa Malaysia

Oleh Dr Sarjit Singh Gill

**L**AZIMNYA tahun baru disambut meriah masyarakat Malaysia, masing-masing mempunyai harapan dan azam baru, dirancang dengan penuh teliti untuk diperjuangkan sepanjang tahun itu. Masyarakat bukan Melayu mempunyai beberapa azam dan harapan baru untuk dikongsi bersama-sama masyarakat Malaysia demi kebaikan semua.

Harapan dan azam baru perlu disemai masyarakat bukan Melayu ialah usaha mendaulkan bahasa Melayu dengan mengembangkan pengajian mengenai alam Melayu. Kita perlu memantapkan penyelidikan demi menarik orang asing mengkaji masyarakat majoriti dan minoriti di Malaysia. Kita perlu juga menulis dalam bahasa Inggeris untuk menarik orang asing mengenal kepelbagaian bangsa dan budaya di Malaysia. Apabila mereka berminat mengkaji alam Melayu, maka sewajarnya mereka mempelajari bahasa Melayu dan mengenal sejarah negara.

Sebenarnya, pendaulatan bahasa Melayu bukan hanya terletak kepada orang Melayu, tetapi meliputi semua masyarakat Malaysia. Sejak merdeka lagi, masyarakat Malaysia sudah berjanji menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Maka, penggunaannya perlu dimantapkan supaya terus menjadi bahasa pembangunan di Malaysia. Inilah harapan dan azam baru perlu dimiliki semua masyarakat Malaysia tanpa mengenaf latar belakang agama dan bangsa.

Kegiatan penyelidikan mengenai alam Melayu, secara tidak langsung akan mewujudkan perpaduan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan lebih jitu lagi berkesan. Tidak dapat dinafikan masyarakat bukan Melayu, seperti masyarakat Melayu, mementingkan soal perpaduan kaum yang baik dan murni. Masing-masing ingin kesejahteraan dan keharmonian demi penerusan martabat bangsa dan agama agar generasi mendatang dapat terus menikmati kehidupan yang lebih bermakna.

Dalam soal mewujudkan perpaduan, kita perlu kembali menilai kepentingan se-

jarah dalam kehidupan agar peristiwa hitam lalu tidak berulang. Semangat perpaduan yang baik dan ikhlas seperti ditunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi perlu disemai sejak kecil lagi.

Kebijaksanaan kerajaan yang bersikap terbuka, jujur dan positif dalam merencanakan tema perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia berbilang bangsa dan agama perlu dipuji.

Bagaimana hendak mewujudkan perpaduan dalam sesebuah masyarakat? Satu alat penting mewujudkan perpaduan dalam masyarakat ialah penggunaan bahasa. Dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam kehidupan seharian.

Bahasa Melayu adalah alat perhubungan penting dalam menyatupadukan masyarakat. Ada juga pihak menyatakan bahawa bahasa Melayu semakin terpinggir dan bahasa Inggeris begitu penting. Golongan menyatakan bahasa Melayu itu terpinggir sebenarnya mempunyai pemiciran cetek mengenai sejarah negara.

Masyarakat bukan Melayu mempunyai harapan dan azam baru untuk meningkatkan minat dan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar dan penuntut universiti yang semakin merosot sejak kebelakangan ini. Sebenarnya, perubahan arus pembangunan yang kian moden dan pengaruh proses globalisasi semakin mencabar kehidupan dan menyebabkan masyarakat mula memberikan tumpuan terhadap bahasa asing, terutama bahasa Inggeris.

Bahasa Melayu diajar di sekolah rendah dan menengah perlu diperluaskan secara komited. Justeru, perlu ada kesedaran di kalangan pelajar bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara seperti termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Bahasa Melayu di sekolah sebenarnya masih belum mencapai keputusan membanggakan dalam menyatupadukan pelajar. Kaedah pengajaran kurang berkesan turut menjadi punca kelemahan dalam mewujudkan perpaduan di kalangan pelajar.

Justeru, polarisasi kaum semakin tinggi di kalangan penuntut turut memberi

kesan kepada perpaduan dan integrasi kaum. Komitmen kerajaan dalam memperkenalkan subjek Hubungan Etnik di universiti amat tepat pada masanya dalam memastikan interaksi sosial antara kaum dipertingkatkan, sekali gus mementingkan aspek toleransi dan dialog kebudayaan dan keagamaan yang sihat.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi anak. Sosialisasi di rumah aspek perlu diberi perhatian sewajarnya. Ibu bapa perlu meluangkan lebih banyak masa bersama anak terutama memantau prestasi akademik dan sosial mereka.

Pihak sekolah sering menjadi sasaran ibu bapa yang sentiasa mencari 'kelemahan' pentadbiran sekolah jika anak mereka mendapat keputusan lemah dalam pelajaran, terutama bahasa Melayu. Masyarakat, terutama ibu bapa, tidak harus meletakkan tanggungjawab mendidik pelajar serta menangani masalah salah laku (disiplin) pada pihak sekolah semata-mata, sebaliknya perlu wujud kerjasama erat semua pihak.

Harapan dan azam baru masyarakat bukan Melayu banyak bergantung sepenuhnya pada gagasan dan peranan generasi muda. Bahasa Melayu adalah alat perpaduan penting dan perlu dihayati semua pihak tanpa mengira bangsa dan jantina. Generasi muda memainkan peranan penting dalam soal memajukan dan mendaulkan bahasa Melayu demi menjalin perpaduan dan penerusan martabat agama dan bangsa di Malaysia. Mereka perlu lebih bersedia untuk menerima cabaran selepas menamatkan pengajian.

Selain bahasa Melayu, ada juga beberapa simbol perpaduan perlu diberikan perhatian semua pihak, terutama generasi muda yang bakal menerajui kepeimpinan negara.

Pertama, Rukun Negara digubal membawa mesej jelas dan penuh bermakna. Lima prinsip Rukun Negara penting bagi masyarakat Malaysia dalam mewujudkan perpaduan dan meningkatkan semangat toleransi sesama masyarakat.

Dalam hal ini, masyarakat bukan Melayu berazam agar semua masyarakat Ma-

laysia memberi tumpuan terhadap ajaran agama masing-masing. Agama penting dalam kehidupan manusia, termasuk pengajaran nilai etika dan moral untuk kebaikan semua golongan masyarakat. Kita perlu menghormati ajaran agama yang dianuti oleh orang lain.

Kedua, lagu kebangsaan dan bendera kebangsaan saling melengkapi. Apabila lagu *Negaraku* dinyanyikan, maka fokus setiap individu sepatutnya pada Jalur Gemilang. Kedua-dua simbol ini mempunyai mesej yang baik dan menyeluruh dalam mewujudkan perpaduan.

Tetapi berapa banyakkah bersungguh-sungguh mendendangkannya dengan penuh semangat dan memberi tumpuan terhadap Jalur Gemilang? Berapa banyakkah yang betul-betul berdiri tegak apabila lagu kebangsaan dinyanyikan?

Harapan dan azam baru masyarakat Malaysia pada tahun baru ini mungkin menyentuh tema perpaduan dan persefahaman sesama masyarakat. Bahasa Melayu adalah simbol penting dalam mewujudkan semangat perpaduan yang sebenarnya dan ia harus dipupuk di peringkat sekolah rendah lagi.

Begitu juga lima prinsip Rukun Negara, lagu kebangsaan dan Jalur Gemilang. Perpaduan adalah teras sosial penting untuk dilalui bersama oleh setiap individu iaitu bermula dari sosialisasi di rumah dan sekolah, sehingga individu itu bekerja dan bergaul dalam masyarakat majmuk.

Semangat toleransi dan hormat-menghormati penting dalam mewujudkan hubungan kaum yang baik di Malaysia. Agenda kerajaan yang murni dalam usaha mengekalkan perpaduan perlu disokong semua pihak tanpa prejudis dan syak wasangka. Pendek kata, sama-samalah kita mengharungi tahun baru ini dengan penuh semangat perpaduan dan toleransi sekali gus mengalu-alukan kedatangan Tahun Melawat Malaysia 2007 dengan penuh warna-warni.

Penulis ialah pensyarah Antropologi dan Sosiologi di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)